



**DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK
NOTIS SEBUT HARGA**

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada Pembekal / Kontraktor yang berdaftar dengan Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ) dalam Kategori dan Jenis Pendaftaran yang berkaitan serta mempunyai tempoh pendaftaran yang sah untuk membuat tawaran buat masa ini bagi bekalan / perkhidmatan seperti berikut:

No.Ruj. Sebut Harga	Tajuk Sebut Harga	Pendaftaran Kategori, Kepala & Subkepala	Yuran Dokumen (RM)	Tarikh pengambilan Dokumen Sebut Harga	Tarikh Tutup & Masa Penyerahan Dokumen Sebut Harga
DUN/T/001/JLD.10.Vol.1 (1)	Sebut Harga Membekal dan Menghantar Cenderamata Pelawat untuk Bahagian Khidmat Komunikasi Korporat DUNS bagi Tahun 2026	Kategori: C Kepala: VI Subkepala: 4g	10.00 /Set	Tarikh Diedar: 09/02/2026 hingga 16/02/2026	Tarikh Tutup: 19/02/2026
DUN/T/001/JLD.10.Vol.2 (1)	Sebut Harga Mengukur, Menjahit, Membekal dan Menghantar Pakaian Seragam untuk Keperluan DUNS bagi Tahun 2026	Kategori: C Kepala: VI Subkepala: 2(a)		Waktu Diedar: Isnin-Jumaat 8.30-11.30 pagi 2.30-4.30 petang	Waktu: 12.00 tengahari

2. Dokumen Sebut Harga hanya akan dijual kepada pemilik atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pemilik / Rakan Kongsi / Pengarah Syarikat. Pemilik atau wakilnya hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL UNIT PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN JURUPERUNDING (UPKJ)**, **SIJIL ASAL PENGIKTIRAFAN STATUS BUMIPUTERA** (Jika Berkenaan) dan **SURAT PERWAKILAN KUASA** (Jika Berkenaan) sebelum dokumen sebut harga dijual kepada Pembekal / Kontraktor yang layak.
3. Bayaran Yuran Dokumen Sebut Harga hendaklah dibuat dalam bentuk **Draf Bank** atau **Kiriman Wang Pos (Money Order)** atau **Wang Kiriman Pos Berpalang (Postal Order)** atau menggunakan **S Pay Global** yang dibayar atas nama **Kerajaan Negeri Sarawak**.
4. Contoh Dokumen Sebut Harga boleh disemak dan boleh diperolehi mulai 09 Februari 2026 hingga 16 Februari 2026 pada waktu yang ditetapkan di alamat **Pejabat Setiausaha, Dewan Undangan Negeri Sarawak, Petra Jaya, 93502, Kuching, Sarawak**.
5. Dokumen Sebut Harga hendaklah dimasukkan sendiri oleh Pemilik / Wakil Syarikat / Firma ke dalam Peti Tawaran menggunakan **sampul berlakri** serta mempunyai catatan **Nombor** dan **Tajuk Sebut Harga**. Dokumen Sebut Harga hendaklah diserahkan selewat-lewatnya **jam 12.00 tengah hari** pada tarikh tutup di alamat seperti di bawah:

Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
Pejabat Setiausaha Dewan Undangan Negeri Sarawak,
Petra Jaya, 93502, Kuching, Sarawak.

6. Dokumen Sebut Harga yang diterima selepas tarikh dan masa tutup tidak akan dipertimbangkan.
7. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tersebut.


(NUR AZHAR BIN BUJANG)

Setiausaha
Dewan Undangan Negeri Sarawak

Tarikh: 5 Februari 2026

Nota Penting: Notis Sebut Harga ini hendaklah dipamerkan di Papan Kenyataan Kementerian / Jabatan tujuh (7) hari berturut-turut sepanjang tempoh pelawaan sebut harga.